# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 23 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | HASIL PADI P.PINANG TERTINGGI 6 TAHUN, DALAM NEGERI, UM -34<br>CHAN: ZERO TOLERANCE ON THREATS AGAINS EDUCATION INSTITUTIONS, NATION, SIN CHEW DAILY -6<br>AGRICULTURE MINISTRY'S PADI MANAGEMENT UNSATISFACTORY, NEWS, GUANG MING DAILY -A5<br>A HEFTY P-RICE TO PAY, NATION, THE STAR -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 5.<br>6.<br>7. | PERUNTUKAN INSENTIF, SUBSIDI KEPADA PESAWAH TIDAK DIBELANJAKAN, NASIONAL, SH -2<br>RM448.87j SUBSIDI, INSENTIF PESAWAH TAK DIBELANJAKAN, NASIONAL, BH -3<br>LPP GAGAL BELANJA PERUNTUKAN RM448.87 JUTA BANTU PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -4 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 8. | PESAWAH MADA TUNGGU BAJA SEHINGGA 155 HARI, DALAM NEGERI, UM -4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 9.<br>10.<br>11. | PINDAH BENIH KELI, LOKAL, HM -15<br>PENTERNAK PINDAH 100,000 BENIH IKAN KELI ELAK RUGI BESAR, NASIONAL, BH -12<br>PERTANIAN JADI PILIHAN GOLONGAN MUDA, DALAM NEGERI, UM -9 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34 |

# Hasil padi P. Pinang tertinggi 6 tahun

SIDANG DUN
**P. PINANG**

**Oleh SAFINA RAMLI**
utusannews@mediamulia.com.my



**PULAU Pinang merekodkan hasil pengeluaran padi tertinggi selama enam tahun berturut-turut.**

**GEORGE TOWN:** Hasil purata pengeluaran padi di Pulau Pinang adalah yang tertinggi di dalam negara ini selama enam tahun berturut-turut sejak 2018 sehingga kini.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, walaupun kawasan tanaman sepanjang tahun semakin mengecil, Pulau Pinang masih mengekalkan tempat pertama dari segi pengeluaran hasil tahunan secara pukal.

"Jangan disangka negeri yang kecil ini tidak mampu bersaing dengan negeri-negeri yang berkeluasan jauh lebih besar.

"Sektor penanaman padi kita telah berjaya membuahkan hasil sebanyak RM190.8 juta pada tahun 2022," katanya dalam sesi penggulungan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, semalam.

Menurut Fahmi (PKR-Pantai Jerejak), pengeluaran hasil yang tinggi itu mampu dicapai melalui inisiatif kerajaan negeri yang menyalurkan insentif dan bantuan dalam pelbagai bentuk.

Pada tahun ini misalnya, ujar beliau, kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM500,000 kepada Jabatan Pertanian di bawah Projek Pembangunan Tanaman Padi bagi membantu pesawah padi untuk kekal produktif.

"Peruntukan tambahan sebanyak RM440,000 telah disalurkan kepada Jabatan Pertanian dalam usaha membasmi penularan keladi agas dan rumpai dalam petak sawah," katanya.

Dalam pada itu, tambah beliau, Pulau Pinang turut menyumbang kepada pengeluaran hasil akuakultur tertinggi dalam negara dengan nilai keseluruhan berjumlah RM681.2 juta tahun lalu.

"Secara keseluruhannya, sebanyak RM1.18 bilion hasil diperoleh melalui sektor perikanan di Pulau Pinang bagi tahun lalu, malah, Pulau Pinang berada di tempat kedua dalam hasil tangkapan laut," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan: Zero tolerance on threats against education institutions | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 232 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,030 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,091 |



# 陳泓縑對暴力行徑零容忍
# 「不容威脅教育機構」



陈泓缣（左二）在嘉宾的陪同下，采摘成熟的青菜。右二起为拉丽塔及奇力；左一为阿纳斯。（黄安健摄）

（乌冷22日讯）农业及粮食安全部副部长拿督陈泓缣谴责向教育机构发出恶意威胁的做法，并指该做法绝不可接受；他同时也促请有关当局严正看待。

“我重申对我国青年的暴力或恐怖主义行为持零容忍态度。我们会致力于确保儿童的安全和保障，因为他们的福祉对我们的社会结构至关重要。”

他今日出席在R.E.A.L国际学校举行的BANTU菜园的合作计划时表示，媒体报道我国多所国际学校通过电邮收到炸弹威胁的消息，庆幸是全国总警长丹斯里拉沙鲁丁已证实这些炸弹威胁的电邮只是恶作剧。

他说，今日的活动地点同为国际学校，但该校园并没有受到炸弹威胁的干扰。

“无论如何，我对无人受到影响而感到非常欣慰。”

他表示，尽管这些威胁具有欺骗性，但我强烈谴责那些对教育机构传播非理性、恶意和恶毒的恐怖主义威胁的个人的行为。

“该行为不仅给公众尤其是家长及其子女造成不必要的恐惧，而且扰乱和破坏了学习环境的神圣性。”

## “BANTU Farm”合作計劃
## 培養學生對農業興趣

另一方面，他为Airasia Grocer和粮食援助分发平台BANTU Heroes一同发起一项名为“BANTU Farm”的合作计划，以支持农业部促进青年对现代农业的举措。

“作为农业和粮食安全部副部长，我很自豪地看到一些教育机构愿意通过从小开始教育孩子及为学生提供实践经验，并培养他们对农业实践的更深入了解，展示了将农业融入学校课程的潜力。”

他说，政府拨出10亿令吉予昌明社区基金，并向符合资格的申请者提供5万至10万令吉的援助金。

“同时，我们也鼓励年龄介于18至40岁青年参与青年农耕奖掖计划，我们将为符合资格者提供2万令吉的器材支持，以鼓励他们参与整个农业价值链和农业食品工业的农业创业。”

出席者包括，R.E.A.L国际学校蕉赖学校校长奇力、Air Asia Grocer首席执行员拉丽塔及BANTU Heroes创办人阿纳斯。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture Ministry`s padi management unsatisfactory | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 23 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 461 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,943 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,829 |



# 農業部種稻管理欠佳

## 產量自供稻農收入皆不達標

**2019年至2022年的稻米年产量**

| 稻米产量 | | | |
|---|---|---|---|
| 年份 | 目标 | 表现 | 巴仙 |
| 2019 | 286万公吨 | 248万公吨 | 87.1% |
| 2020 | 291万公吨 | 242万公吨 | 83.2% |
| 2021 | 298万公吨 | 243万公吨 | 81.5% |
| 2022年 | 304万公吨 | 248万公吨 | 81.6% |

**平均每公顷稻米产量**

| 年份 | 目标 | 表现 | 巴仙 |
|---|---|---|---|
| 2019 | 每公顷4.996公吨 | 每公顷3.455公吨 | 69.2% |
| 2020 | 每公顷5公吨 | 每公顷3.480公吨 | 69.6% |
| 2021 | 每公顷3.774公吨 | 每公顷3.553公吨 | 94.1% |
| 2022年 | 每公顷3.919公吨 | 每公顷3.625公吨 | 92.5% |

**稻米自给自足目标**

| 年份 | 目标 | 表现 |
|---|---|---|
| 2019 | 70% | 63% |
| 2020 | 70% | 59.4% |
| 2021 | 73.4% | 65% |
| 2022年 | 73.8% | 62.6% |

（吉隆坡22日讯）2022年总稽查司报告指出，农业及粮食安全部的稻米种植项目管理表现欠理想，不论是稻米产量、每公顷稻米生产力、自给自足（SSL）目标及稻农收入皆没达成目标。

政府在2019年至2022年，给予农粮部作为稻米领域相关的管理及发展拨款是68亿2000万令吉，总共使用了63亿4200万令吉开销。

报告披露，涉及管理的稻田面积为64万7936公顷，分别是米仓范围为41万6415公顷及非米仓范围23万1521公顷。

2022年总稽查司报告指出，我国2019年至2022年的稻米产量自给自足比例和年产量都没达标。（TKM）

## 1萬7525稻農月入少過600元

2022年总稽查司报告提到，稻农在2021年的每月平均收入，少过600令吉的有1万7525人；600令吉至1499.99令吉有2万6003人；1500令吉至2499.99令吉的有1万5116人；2500令吉至3499.99令吉的有7582人；超过3500令吉的有1万1049人。

稽查报告认为，此事也是因为稻米自给自足目标失败所导致，连带造成稻农收入低于国家贫穷线，也是年轻群体没兴趣从事稻农的原因。

报告披露，大马农业研究与发展局（MARDI）出产的稻米种子无法满足需求，卖给稻农的稻米种子也超出35令吉管制价格，提高至介于35令吉50仙至58令吉之间，导致稻农承担更高成本，此事应加强管制。

稽查报告提及，肥料供应商给稻农的肥料出现延迟，对收成直接构成影响，然而，针对肥料供应商从2016年至2019年施加的2亿1127万令吉却被免除。

总稽查司报告认为，免除这笔罚款是不应该的，因为有关肥料供应的问题已多次发生，且没严厉处理；同时建议寻找替代肥料供应商，并根据合约严厉罚款。

稽查报告指，892辆农业工具，只有589辆，即66%可运作，导致稻农须依赖私人服务，建议落实替代的机器租用方案。

报告说，稻田水利工程给予的拨款只有2328万令吉，这对于申请的维护所需的7668万令吉并不足够，只达成30.4%，建议部门提高有关拨款分配。

报告发现，给予3个机构的"在其他非水域地区巩固稻米生产力计划"（EPP11），虽然项目在2022年已结束，但有关机构没把剩余的2677万令吉拨款归还政府，分别是格姆布农业发展局（KADA）的1022万令吉、沙巴农业、渔业和食品部（MAFFI）的728万令吉及砂拉越食品工业、原产业及区域发展部（M-FICORD）的927万令吉。总稽查司建议，农粮部采取行动追讨这些款项，以交还给财政部。

总稽查司报告亦揭发，由于大马半岛的稻米转化为白米转化率，从2019年的65%更改为2020年的70%，这导致虽然稻米产量下跌，却出现白米产量上升趋势。对此，农粮部在今年8月4日收到的回复是，这是2021年12月10日的2020年白米自给自足会议上达成的共识，业者认为基于碾米机器更先进，设置为70%转化率是合理的。（TKM）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | THE STAR | NATION | 6 |


# A hefty p-rice to pay

## A-G report: Padi planting project saw record loss of RM660mil

**PETALING JAYA:** Malaysia's rice planting programme saw a loss of RM660.14mil, the highest loss of public funds recorded.

A total of RM448.87mil in subsidies and incentives to padi farmers, channelled through the Agriculture and Food Security Ministry to the Farmers' Organisation Authority (LPP), was also not spent, the Auditor-General's Report 2022 revealed.

The RM448.87mil is the remaining accumulated allocation as of 2022, the report said, adding that the management of allocation distribution was not satisfactory.

"The audit review showed that RM3.673bil was channelled from the ministry to LPP from 2019 to 2022 for the implementation of various subsidy schemes and rice planting incentives.

"The suppliers' claim performance report for the Federal Government Padi Fertiliser Assistance Scheme (SBPKP), Padi Production Incentive Scheme (SIPP) and Legitimate Rice Incentive (IBPS), found LPP's total expenditure for the period was RM3.224bil, with a remaining accumulated allocation of RM448 .87mil," the report said.

The targets of rice production output and rice productivity per hectare have also not been achieved.

"The management of the programme was unsatisfactory and needs to be improved in terms of land, rice seed, fertiliser and machinery management as well as allocation control, " the report concluded.

"The rice seed production by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) for the period 2019 to 2022 of 258.14 tonnes could not meet the required demand of 507.52 tonnes.

"Insufficient production of rice seeds will lead to the use of rice seeds that are not recognised by the Department of Agriculture.

"As of Dec 31, 2022, the rice granary has not been gazetted as a rice planting area except for Muda Agriculture Development Authority (Mada). The total padi area for the four granaries has shrunk by 11,123ha," the report said.

The report noted that the selling price of rice seeds to farmers – RM35.50 and RM58.00 – exceeded the permissible control price of RM35.00. As such, farmers had to bear the cost of higher rice production.

There was also a delay in the distribution of fertilisers to farmers with some receiving supplies past the proper fertilisation period, affecting its use during the proper rice growing season.

An exemption was also given to National Farmers' Organisation's (Nafas) for the delay in the supply of fertilisers worth RM211.27mil. However, the delays in the supply of fertilisers became a recurring issue every year because the suppliers did not face any action.

The lack of machinery caused farmers to rely on private service providers as only 589 (66.0%) of the 892 agricultural machinery could be operated, the report said.

The audit recommended that the ministry create an integrated and comprehensive database involving information on padi fields.

In addition, the database also needs to involve parties in the rice production chain such as manufacturers, wholesalers and retailers, the area of rice cultivation, rice and rice production results, rice farmers' income and other related information.

"Review every contract involved in the padi and rice industry so it does not harm the government," it said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Peruntukan insentif, subsidi kepada pesawah tidak dibelanjakan

**KUALA LUMPUR** - Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 mendapati, pencapaian program penanaman padi di kawasan seluas 416,415 hektar atau 64.3 peratus daripada 647,936 hektar kawasan penanaman padi di seluruh negara tidak memuaskan.

Menurut laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Rabu, terdapat jelapang padi belum diwartakan sebagai kawasan penanaman padi setakat 31 Disember 2022 menyebabkan kawasan penanaman padi di empat jelapang mengalami penyusutan sebanyak 11,123 hektar.

Empat jelapang padi itu ialah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, IADA Barat Laut Selangor, IADA Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (Ketara) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Prestasi tidak memuaskan disebabkan masalah bekalan benih padi asas tidak mencukupi, sekali gus membuka ruang kepada penggunaan benih padi tidak diiktiraf Jabatan Pertanian Malaysia, selain kelewatan pengagihan baja kepada pesawah serta pergantungan kepada perkhidmatan jentera pihak swasta disebabkan hanya 589 daripada 892 jentera pertanian boleh beroperasi.

Laporan itu juga mendapati baki peruntukan terkumpul setakat 2022 berjumlah RM448.87 juta yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah, tidak dibelanjakan.

"KPKM juga didapati tidak menjaga kepentingan kerajaan apabila meluluskan secara keseluruhan pengecualian denda kelewatan penghantaran baja berjumlah RM211.27 juta kepada pembekal.

"Selain itu, terdapat kelemahan dalam pemantauan baki peruntukan yang berada di LPP dan agensi yang terlibat dengan Program Pengukuhan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain Kawasan Pengairan (EPP 11)," menurut laporan tersebut. - *Bernama*

> *"Laporan itu juga mendapati baki peruntukan terkumpul setakat 2022 berjumlah RM448.87 juta yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah, tidak dibelanjakan."*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022

# RM448.87j subsidi, insentif pesawah tak dibelanjakan

Penyaluran peruntukan tak memuaskan berikutan KPKM tak semak baki di LPP

Oleh Suzalina Halid dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my



*LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi.*

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM448.87 juta pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah yang disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dikesan tidak dibelanjakan.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 yang dikeluarkan semalam, jumlah RM448.87 itu adalah baki peruntukan terkumpul setakat tahun 2022.

Menurutnya, pengurusan penyaluran peruntukan adalah kurang memuaskan berikutan KPKM tidak menyemak baki peruntukan di LPP sebelum penyaluran peruntukan tahunan dibuat, manakala baki peruntukan bagi program 'Entry Point Project' (EPP) 11 yang ditamatkan, tidak dikembalikan agensi terbabit.

"Ia menyebabkan LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi.

"Semakan audit mendapati RM3.673 bilion disalurkan KPKM kepada LPP bagi tempoh 2019 hingga 2022 untuk pelaksanaan pelbagai skim bantuan subsidi dan insentif penanaman padi.

"Laporan prestasi tuntutan pembekal bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Insentif Benih Padi Sah (IBPS), mendapati jumlah perbelanjaan LPP bagi tempoh itu adalah sebanyak RM3.224 bilion dengan baki peruntukan terkumpul berjumlah RM448.87 juta," katanya.

Katanya, isu kelewatan pembekalan baja untuk tempoh 2016 hingga 2019 juga adalah kerugian kepada kerajaan dan golongan sasar kerana bekalan baja lewat diterima tetapi tiada tindakan dikenakan kepada pembekal.

Pada masa sama, rumusan LKAN 2022 mendapati pencapaian program penanaman padi adalah tidak memuaskan dengan sasaran hasil pengeluaran padi dan produktiviti padi bagi setiap hektar tidak tercapai.

## Pengeluaran tak capai sasaran

Selain itu, pencapaian objektif dan keberhasilan bagi pengeluaran beras dan Kadar Sara Diri (SSL) beras serta pendapatan pesawah juga tidak mencapai sasaran ditetapkan.

"Pengurusan program juga tidak memuaskan kerana terdapat kawasan penanaman padi masih belum diwartakan menyebabkan penyusutan kawasan penanaman padi di empat kawasan jelapang.

"Bekalan benih padi asas yang tidak mencukupi juga membuka ruang kepada penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf Jabatan Pertanian Malaysia, kelewatan penghantaran baja kepada pesawah serta kebergantungan kepada perkhidmatan jentera pihak swasta," katanya.

Menurut LKAN 2022, penyelenggaraan pengairan dan saliran juga tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan kekangan peruntukan dan ia memberi kesan kepada produktiviti padi.

KPKM juga didapati tidak menjaga kepentingan kerajaan apabila meluluskan secara keseluruhan pengecualian denda kelewatan penghantaran baja berjumlah RM211.27 juta kepada pembekal.

Justeru, audit mengesyorkan supaya KPKM mewujudkan pangkalan data bersepadu dan menyeluruh membabitkan maklumat berkaitan pesawah serta pihak dalam rantaian pengeluaran padi seperti pengilang, pemborong dan peruncit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# LPP gagal belanja peruntukan RM448.87 juta bantu pesawah

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) gagal membelanjakan peruntukan sebanyak RM448.87 juta secara optimum untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, kegagalan itu memberi kesan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Ini kerana, KPKM tidak dapat menggunakan baki peruntukan untuk melaksanakan program lain bagi mengurangkan kos pengeluaran padi seterusnya dapat memberi manfaat kepada pesawah.

Beliau berkata, semakan audit mendapati sejumlah RM3.673 bilion disalurkan oleh KPKM kepada LPP pada tahun 2019 hingga 2022 untuk pelaksanaan tujuh skim bantuan subsidi dan insentif penanaman padi dengan sebanyak RM3.224 bilion dibelanjakan.

"Semakan audit selanjutnya mendapati KPKM tidak membuat semakan baki peruntukan sebelum peruntukan tahunan disalurkan kepada pihak LPP dan menyebabkan LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 yang dikeluarkan, semalam.

Berdasarkan laporan tersebut, ada tujuh insentif diberikan kerajaan kepada pesawah namun dua daripadanya mempunyai baki tertinggi iaitu Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Racun (RM143.26 juta) dan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) (RM140.13 juta).

Bagaimanapun, kata Wan Suraya, maklum balas yang diterima Jabatan Audit Negara daripada KPKM pada 22 September lalu adalah baki peruntukan subsidi dan insentif di LPP Tahun 2022 setakat 11 September tahun ini adalah sebanyak RM427.78 juta.

"Baki ini adalah sebelum ditolak jumlah komitmen sebanyak RM234.44 juta. Baki bersih di LPP adalah sebanyak RM193.34 juta," katanya.

Berdasarkan audit tersebut, kata Wan Suraya, KPKM disyor memastikan semua skim bantuan yang diperuntukkan diguna secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi seterusnya mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan.

**KEHILANGAN/ KERUGIAN AWAM**
**RM681.71 JUTA**

**1. RM660.14 JUTA**
**PENGURUSAN PROGRAM PADI**
- **RM211.27 juta:** Pengecualian kena denda lewat bekal baja diberi kepada pembekal
- **RM448.87 juta:** Baki peruntukan terkumpul di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) tidak dibelanjakan untuk membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi

**2. RM14.33 JUTA**
**PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**
- **RM2.84 juta:** Syarikat asal gagal siapkan projek pembinaan semula bangunan Auditorium Kota Mahsuri, Langkawi belum menyelesaikan tuntutan dikemukakan Jabatan Kerja Raya
- **RM11.49 juta:** Gagal kutip hasil pajakan tanah bagi Projek Pembangunan Hotel St. Regis dan Projek Perkampungan Tok Senik

**3. RM6.34 JUTA**
**PENGURUSAN DAN KAWAL SELIA SENJATA API JABATAN SERTA AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
- Perolehan senjata api PDRM tidak cekap kerana belum dibekalkan walaupun kontrak perolehan tamat

**4. RM0.49 JUTA**
**PENGURUSAN PROGRAM PEMULIHARAAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN - RM0.49 JUTA**
- **RM493.800:** Tidak mengutip fi aktiviti selam skuba di Taman Laut Johor, Pahang, Pulau Perhentian dan Pulau Redang bagi tempoh 2019 - 2022
- Tidak kutip fi pelawat taman laut

**5. RM0.29 JUTA**
**PROGRAM GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN**
- Dua syarikat belum memulangkan pendahuluan bagi geran Geran Industri 4WRD Intervention Fund (IF) yang ditarik balik

**6. RM0.12 JUTA**
**PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT**

# Pesawah MADA tunggu baja sehingga 155 hari

**PETALING JAYA:** Pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terpaksa menunggu antara enam hingga 155 hari bagi mendapat bekalan baja dari pembekal untuk dihantar ke stor Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pada tahun lalu.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022, terdapat tiga peringkat pembajaan yang memerlukan bekalan baja daripada pembekal iaitu pembajaan pertama (baja sebatian), pembajaan kedua (baja urea) dan pembajaan ketiga (baja NPK).

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, pesawah di kawasan MADA terpaksa menghadapi isu kelewatan untuk ketiga-tiga peringkat pembajaan antara enam sehingga 155 hari.

"Peringkat pembajaan pertama tempoh kelewatan antara enam hingga 155 hari, pembajaan kedua (enam hingga 135 hari) manakala pembajaan ketiga (enam hingga 115 hari)," katanya dalam LKAN 2022 yang dikeluarkan, semalam.

Beliau berkata, hasil maklum balas daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendapati, kelewatan bekalan baja disebabkan beberapa penutupan di kilang pembekal di Gurun, Kedah pada hujung tahun 2021.

Selain itu, bahan mentah baja dari negara China dan Belarus tidak diterima pada tahun 2022.

"Manual pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) telah ditambah baik oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan telah diangkat ke KPKM pada 29 Ogos 2023.

"Pindaan dibuat kepada perkara 8.2: Pesanan Baja yang mana borang pesanan boleh dihantar melalui emel, faks, pos atau serahan secara fizikal kepada pihak pembekal dan akan dikira sebagai penerimaan pesanan oleh pembekal," katanya.

Bagaimanapun, Wan Suraya berkata, pihaknya berpendapat bahawa kelewatan terimaan baja menyebabkan pembajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan boleh menjejaskan pertumbuhan padi serta memberi kesan kepada hasil pengeluaran.

Justeru, beliau mengesyorkan supaya tindakan tegas dikenakan terhadap pembekal dengan mengenakan denda kelewatan pembekalan baja berdasarkan syarat kontrak dan mewujudkan alternatif pembekal baja selain daripada Pembekal KEB 15/1.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 15 |

# Pindah benih keli

## *Penternak ikan sangkar siap siaga hadapi musim tengkujuh*

**Oleh Hazira Ahmad Zaidi**
am@hmetro.com.my

**Kuala Krai**

Bagi mengelakkan kerugian besar, seorang penternak ikan sangkar memindahkan 100,000 benih ikan keli ke kolam khas yang dibina di pekarangan rumahnya di Kampung Batu Lada, Mengkebang di sini.



ROHAIMIN mengaut ikan keli yang mencapai tempoh matang dan sedia untuk dijual kepada peniaga kedai makan dan restoran di sekitar Kuala Krai. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI



ROHAIMIN (kiri) dibantu pekerjanya mengangkat ikan untuk dihantar kepada pelanggan.

Rohaimin Yusoff, 51, berkata, dia berbuat demikian susulan trend air Sungai Kelantan di Kuala Krai sentiasa berubah ketika musim tengkujuh ini.

Menurutnya, benih ikan keli itu akan dibawa semula ke sangkar apabila trend air sungai kembali seperti sediakala.

"Hanya benih ikan keli yang dipindahkan ke dalam kolam, manakala spesies patin, talapia, baung dan keli yang sudah mencapai usia matang dan sedia untuk dijual diletakkan dalam sangkar.

"Saya mengambil langkah awal dengan mengikat sangkar pada pokok durian dan nangka berdekatan sungai.

"Ia bagi mengelakkan lebih 20 sangkar yang menempatkan 45,000 spesies patin, talapia, baung dan keli daripada dihanyutkan arus deras sungai," katanya di sini.

Rohaimin berkata, pengalaman mengalami kerugian hampir RM30,000 akibat banjir kira-kira dua tahun lalu membuatkannya lebih bersedia.

Menurutnya, dia juga mengupah pekerja bermalam di atas rumah rakit di sangkar itu untuk memantau keadaan semasa air Sungai Kelantan.

"Saya bimbang kerana sungai yang menempatkan semua sangkar ikan ini adalah sungai utama.

"Sekiranya cuaca tidak menentu selain berlaku hujan lebat menyebabkan air sungai naik secara mendadak, sekali gus membawa sampah serta kayu sehingga menjejaskan jaring ikan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Penternak pindah 100,000 benih keli elak rugi besar

## Sangkar diikat pada pokok lebih awal elak dihanyut arus deras ketika musim tengkujuh


**Oleh Hazira Ahmad Zaidi**
bhnews@@bh.com.my


**Kuala Krai:** Bagi mengelakkan kerugian besar pada musim tengkujuh, penternak ikan sangkar, Rohaimin Yusoff, 51, memindahkan benih ikan keli ke dalam sembilan kolam di halaman rumahnya di Kampung Batu Lada, Mengkebang.

Rohaimin berkata, pemindahan kira-kira 100,000 benih ikan itu terpaksa dilakukan kerana paras air Sungai Kelantan di Kuala Krai berubah-ubah ketika musim tengkujuh.

Katanya, anak ikan keli itu akan dibawa semula ke sangkar selepas paras air sungai kembali normal.

**Pernah rugi RM30,000**

"Hanya benih keli yang dipindahkan ke dalam kolam, manakala spesies ikan patin, talapia, baung dan keli yang sudah matang dan sedia untuk dijual diletakkan di dalam sangkar.

"Saya mengambil langkah awal dengan mengikat sangkar pada pokok durian dan nangka berdekatan sungai, selain menyelenggara mana-mana sangkar yang rosak.

"Ini bagi mengelakkan lebih 20 sangkar yang menempatkan 45,000 spesis ikan patin, talapia, baung dan keli daripada dihanyutkan arus deras air sungai yang boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya di sini semalam.

Rohaimin berkata, pengalaman dua tahun lalu yang menyebabkan beliau kerugian hampir RM30,000 selepas kira-kira 10,000 ikan tilapia, patin dan baung terlepas dan mati akibat banjir membuatkannya lebih bersedia setiap kali musim tengkujuh.



*Rohaimin (kiri) dibantu pekerja mengangkat ikan untuk dihantar kepada pelanggan.* (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |



PARA pelajar yang mengikuti kursus kemahiran pertanian di Institut Pertanian Titi Gantong (IPTG) dekat Parit. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

# Pertanian jadi pilihan golongan muda

**Oleh FADZIL ZAINOL**
utusannews@mediamulia.com.my

**2030 PERAK SEJAHTERA**

**PARIT:** Bidang pertanian, iaitu antara agenda yang digariskan di bawah inisiatif Perak Sejahtera 2030 semakin menjadi pilihan golongan muda yang mahu menjadikannya sebagai pekerjaan masa depan.

Untuk itu, mereka menyiapkan diri dengan mempelajari pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dalam bidang itu yang disediakan antaranya di Institut Pertanian Titi Gantong (IPTG) dekat sini.

IPTG ditubuhkan pada 1974 dengan keluasan lebih 60 hektar mengandungi ladang, kawasan ternakan, bilik kelas serta kemudahan lain. Ketika ini jumlah pelajarnya seramai 124 orang.

Pengarah IPTG, Nur Hafizah Sharudin berkata, IPTG menawarkan pecahan dalam dunia pertanian iaitu penanaman, penternakan, estet, landskap dan memproses makanan.

"Mengikut silibus yang ada, pelajar boleh memahami rantaian bidang pertanian bermula daripada penanaman asas sehingga kepada pengkomersialan selain didedah isu semasa dalam bidang pertanian," ujarnya.

Katanya, penerapan teknologi era Internet kebendaan (IoT) dalam pertanian juga ditekankan seperti pengurusan perladangan dan penanaman yang boleh dilaksanakan menggunakan alat kawalan dari jauh.

Antara bentuk pertanian yang diusahakan di institusi itu adalah ternakan kambing, lembu dan ayam, buah tembikai, perladangan sawit, tanaman cili, cendawan serta landskap.

"Pelajar IPTG biasanya akan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau mendapat pekerjaan.

"Banyak syarikat memohon pelajar dari sini untuk menjalani latihan industri dan mengambil mereka bekerja," katanya.

Beliau percaya tumpuan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad dalam bidang pertanian akan menggalakkan lebih ramai lagi penyertaan golongan muda.

Sementara itu, pelajar, Muhammad Afiq Hakimi, 19, berkata, dia meminati bidang pertanian dan melihat krisis makanan sebagai peluang kepadanya untuk aktif dalam industri itu.

Rakannya, Nur Izzatul Amirah, 22, pula berkata, kebergantungan Malaysia terhadap import makanan menggambarkan keperluan kepada pembangunan industri pertanian dan potensi luas bidang itu.